

PM: Pasukan polis perlu tingkatkan kecekapan, prestasi

BM 18 1997 1986

KUALA LUMPUR, Sabtu — Anggota pasukan polis perlu meningkatkan kecekapan dan prestasi kerja pada setiap masa serta taat setia kepada negara dan perlembagaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, anggota polis memerlukan disiplin dan ketekunan yang tidak berbelah bagi serta kesetiaan yang tahan dicabar supaya mereka dapat bertugas dengan berkesan dan dihormati oleh semua pihak.

Ini perlu kerana selain menghadapi pelbagai bentuk penjenayah serta pelampau agama, adakalanya anggota polis juga terpaksa berhadapan dengan masyarakat yang menjadikan mereka sasaran kritikan.

“Ada golongan masyarakat yang kurang faham mengenai tanggungjawab pasukan keselamatan dan kerap menjadikan polis sasaran kritikan apabila timbul isu-isu semasa yang membabitkan keluhuran perlembagaan, kedaulatan undang-undang dan keselamatan negara.

“Golongan ini sudah lupa betapa anggota polis menghadapi cabaran dan bahaya untuk memastikan kesejahteraan hidup mereka terjamin,” katanya di majlis penutup Musabaqah Membaca al-Quran Polis Diraja Malaysia malam ini.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata rakyat harus sedar bahawa sebagai negara demokrasi berperlembagaan yang meletakkan agama Islam sebagai agama rasmi, tidak ada ruang bagi pemerintah atau agensi-agensinya seperti pasukan polis menindas dan memeras rakyat.

“Pasukan polis sentiasa adil dan tidak membezakan antara kaum dan agama atau fahaman politik sewaktu menjalankan tanggungjawabnya menguatkuasakan undang-undang dengan penuh tanggungjawab dan amanah,” katanya.

Perdana Menteri bangga kerana anggota pasukan polis tidak mudah dipengaruhi dan dilemahkan semangat mereka oleh dakyah palsu serta menunjukkan sifat ketakwaan, kesabaran dan keberanian menghadapi pelbagai cabaran.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr Mahathir berkata keselamatan dan kedamaian kini sukar dipelihara dan kerajaan terpaksa mengeluarkan belanja yang besar untuk meningkatkan kekuatan tentera dan pasukan polis.

Menurutnya, perbelanjaan itu boleh diselamatkan dan digunakan untuk tujuan lain jika rakyat sendiri berdisiplin dan berpegang teguh kepada ajaran Islam yang menuntut umatnya supaya beramanah, lurus dan menolak perbuatan yang mungkar.

Sebab itu, katanya kerajaan menganjurkan penerapan nilai-nilai Islam serta menggalakkan pembacaan al-Quran dengan mengadakan musabaqah.